

28/02/2004

Tempat wanita rujuk, adu masalah

BEBERAPA pihak turut menyambut baik pembukaan pejabat baru dan usaha Sisters In Islam (SIS), menubuhkan Klinik Undang-Undang yang diberikan secara percuma bermatlamat membantu menangani wanita di negara ini yang menghadapi masalah khususnya, membabitkan hal kekeluargaan.

Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, turut hadir pada majlis pelancaran klinik itu berkata, NCWO akan sentiasa menyokong mana-mana pertubuhan yang melaksanakan apa juga kegiatan membina dan membantu meningkatkan pembangunan wanita di negara ini.

"Selama ini, NCWO memang mengalu-alukan pertubuhan atau badan tertentu tampil membantu, meningkatkan kefahaman wanita di negara ini mengenai undang-undang dan hak mereka. Ia supaya apabila timbul sesuatu masalah mengenai hal itu, mereka sedar dan tahu bagaimana untuk bertindak dan menyelesaikannya.

"Malah, NCWO juga ada membentuk satu jawatankuasa yang fungsinya, khusus untuk meningkatkan kesedaran di kalangan wanita di negara ini mengenai hak dan Undang-Undang Syariah. Jadi, dengan adanya klinik itu bukan saja dapat memastikan penyebaran maklumat lebih luas diberikan tetapi lebih banyak tempat untuk wanita merujuk atau mengadu masalah," katanya.

Datuk Paduka Marina Mahathir pula berkata, perpindahan SIS ke satu lokasi baru yang lebih selesa diharap setanding perkhidmatan yang ditawarkan.

Beliau yang mengucapkan syabas kepada SIS dengan perkembangan baru itu turut berharap, pertubuhan itu dapat mengadakan lebih banyak penyelidikan di samping, mengumpul lebih banyak maklumat yang memberikan manfaat untuk rujukan kepada semua pihak.

"Ia boleh dijadikan satu lagi sumber maklumat untuk wanita di negara ini. Saya juga percaya memang wajar, maklumat mengenai hak wanita dan undang-undang disebarikan sebagai pengetahuan," katanya.

Sementara itu, pengamal undang-undang, Azril Mohd Amin, yang turut memberi khidmat sukarela bagi menjayakan Klinik Undang-Undang SIS, mencadangkan, supaya kerajaan memberikan peruntukan bagi membolehkan sukarelawan yang berkhidmat diberikan elaun atau ganjaran dengan perkhidmatan diberikan. Selain itu, ia juga memastikan usaha yang membawa banyak manfaat itu dapat dilakukan berterusan dan diperluaskan.

"Perkhidmatan yang diberikan oleh klinik undang-undang adalah percuma kepada pengadu. Bagaimanapun kita harus faham, apabila masa dan tenaga yang diberikan secara percuma sudah tentu perkhidmatan diberikan terbatas. Jadi, sebagai menggalakkan lebih ramai sukarelawan membabitkan diri, perkhidmatan mereka itu wajar diberikan sedikit insentif," katanya.